

**PENGHAYATAN DAN KEPENTINGAN PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DI  
KALANGAN PENJAWAT AWAM JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**1. PENGENALAN**

Terdapat seramai lapan belas (18) kakitangan perkhidmatan awam yang bekerja di Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia. Seperti yang sedia maklum, Perkhidmatan Awam adalah sebuah institusi yang penting dan penting di Malaysia kerana ia ditugaskan untuk melaksanakan semua dasar dan arahan kerajaan untuk memajukan rakyat dan negeri. Perkhidmatan Awam memerlukan kepimpinan dan perkhidmatan daripada penjawat awam yang jujur, amanah, adil dan cekap bagi memenuhi matlamat pertumbuhan dan kemajuan dalam jangka masa pendek dan panjang. Dalam sektor awam, adalah penting untuk mengiktiraf nilai dan kepentingan prinsip asas. Wan Mohd Zahid (1988) menghuraikan nilai murni seperti berikut: "Selain menjadi piawaian atau penanda aras, kebaikan ialah idea mengenai perkara yang diingini. Kebanyakan masyarakat membina kualiti mereka berdasarkan kepercayaan agama mereka. Semua agama berusaha untuk membentuk kehidupan penganutnya menjadi yang berakhhlak dan lurus". Institut Tadbiran Awam Negara (1991), Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur, mentakrifkan nilai moral sebagai kepercayaan yang menggesa seseorang atau institusi untuk bertindak mengikut keputusan berdasarkan norma masyarakat.

**2. PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Integriti merupakan satu nilai penting yang perlu ada pada setiap anggota Perkhidmatan Awam. Integriti dikaitkan dengan nilai amanah, jujur, boleh dipercayai dan sentiasa menjaga dan memelihara kepentingan awam dan bukannya untuk kepentingan diri sendiri. Ini bermakna setiap anggota Perkhidmatan Awam yang diberi kuasa sama ada kuasa kecil atau besar, hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan adil dan saksama. Kepentingan integriti dalam organisasi ialah untuk mengelakkan penyelewengan dalam urusan dengan pelanggan atau orang ramai. Sebagai contoh, seseorang anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu mempunyai sifat integriti yang tinggi dalam melaksanakan tugasnya, tidak terlibat dengan gejala rasuah dan penyelewengan kuasa dalam membuat sesuatu tugas kerana gejala rasuah dan penyelewengan kuasa bertentangan dengan undang-undang negara dan ditegah oleh agama Islam.

Amanah bermaksud sesuatu yang diberi kepercayaan kepada orang lain untuk melaksanakannya. Amanah adalah satu sifat yang perlu ada pada setiap anggota Perkhidmatan Awam disebabkan tugasnya mengurus dan menjaga kewangan serta harta benda milik Kerajaan dan rakyat. Pengamalan dan penghayatan nilai amanah ini telah dinyatakan di Perenggan 4, Perintah Am Bab ‘D’ (1980), Dasar Bersih, Cekap dan Amanah (1982) dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (1985). Antara ciri-ciri anggota Perkhidmatan Awam yang mempunyai sifat amanah dalam menjalankan tugas ialah mengurus dan menggunakan masa semasa bekerja di pejabat dengan sebaik-baiknya dan tidak melakukan penipuan, pembaziran, penyelewengan kuasa dan rasuah. Sebagai contoh, seseorang anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu mempunyai sifat amanah dalam melaksanakan tugasnya, sifat amanah yang dimaksudkan adalah jika anggota Perkhidmatan Awam itu diamanahkan untuk menyimpan yuran pelajar, wang yang disimpan tidak boleh digunakan atau dibelanjakan untuk kegunaan sendiri.

Bertanggungjawab bermaksud sesuatu kerja, tugas, janji dan lain-lain yang mesti dilaksanakan. Anggota Perkhidmatan Awam tidak boleh membenarkan kepentingan persendirianya bercanggah dengan tanggungjawab awamnya. Selain itu, bertanggungjawab juga bermaksud seseorang anggota Perkhidmatan Awam tidak akan terlepas dari dipersoalkan sekiranya gagal menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik dan sempurna. Pematuhan dan pengamalan sifat bertanggungjawab ini telah dinyatakan di Perenggan 4, Perintah Am Bab ‘D’ (1980) dan Etika Perkhidmatan Awam (1979). Antara ciri-ciri anggota Perkhidmatan Awam yang mempunyai sifat bertanggungjawab dalam menjalankan tugas ialah bersungguh-sungguh melaksanakan kerja dan kerja tersebut dilakukan dengan teliti dan sempurna. Merasa kesal dan bersalah sekiranya tugas yang diberi tidak dapat disempurnakan mengikut tahap piawai dan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, sifat bertanggungjawab yang terdapat di Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tanggungjawab pegawai untuk melaksanakan dan menjelaskan tentang dasar-dasar dan akta pekerja sehingga perayu dan majikan paham akan perkara tersebut. Kebiasaannya pelajar-pelajar yang memasuki Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah pelajar yang kurang dari segi akademiknya. Cabaran inilah yang perlu disahut oleh pensyarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menjadikan pelajar-pelajar ini cemerlang dan berjaya dalam bidang yang dipelajari.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, dedikasi bermaksud pengabdian diri, masa dan lain-lain sepenuhnya kepada sesuatu tujuan tertentu, misalnya kerjaya dan lain-lain.

Seseorang anggota Perkhidmatan Awam yang mempunyai sifat berdedikasi akan melaksanakan sebarang tugas yang diamanahkan kepadanya tanpa mengharapkan apa-apa tambahan upah, ganjaran atau sanjungan tetapi sebaliknya lebih mementingkan hasil kerja yang cepat, berkesan dan berkualiti. Antara ciri-ciri anggota Perkhidmatan Awam yang mempunyai sifat dedikasi dalam menjalankan tugasnya ialah bekerja tanpa berasa jemu dan bosan serta bersedia melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya. Selain itu tidak berputus asa dalam melaksanakan tugas, tetapi sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan dan sanggup menghadapi cabaran dan persaingan dalam perubahan semasa demi meningkatkan maruah agama, bangsa dan negara. Sifat dedikasi yang dimaksudkan adalah pensyarah di Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak boleh berputus asa dalam menjalankan kerja dan tuga dalam merealisasikan matlamat keharmonian perusahaan itu sendiri. Pegawai perlu berusaha bersungguh – sungguh dengan cara penyampaian yang berbeza mengikut tahap kefahaman masyarakat.

### **3. KESIMPULAN**

Penerapan nilai-nilai murni dalam Perkhidmatan Awam amat diperlukan bagi memastikan setiap orang anggota Perkhidmatan Awam dapat memainkan peranan dengan cekap dan berkesan. Sebagai seorang anggota Perkhidmatan Awam di Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, nilai-nilai murni seperti amanah, bertanggungjawab, adil, tekun, berdisiplin, bekerjasama, ikhlas,dedikasi dan mempunyai integriti yang tinggi mestilah sentiasa diamalkan dalam kehidupan seharian. Hal ini akan mendorong kepada pencapaian kejayaan dan kecemerlangan kepada diri seseorang anggota Perkhidmatan Awam, kepada organisasi dan seterusnya menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran negara.

### **RUJUKAN**

- Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam .K.L : INTAN , 1991  
Kemajuan Pentadbiran Awam Di Malaysia. K.L : INTAN , 1992  
Penerapan Nilai Dan Budaya Kerja Cemerlang Dalam Pentadbiran Awam Malaysia. K.L :  
:INTAN,1993  
Falsafah, Nilai Dan Eika Dalam Perkhidmatan Awam. K.L : INTAN , 1994 Etika Kerja Dalam  
Islam. K.L : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri , 1987  
Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar Dan Amalan Dalam Islam. K.L : INTAN , 1990  
Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pentadbiran Awam; Ismail Ibrahim, Roslili Majid  
(Wan.), Institut Kefahaman Islam, Malaysia

Nilai-nilai murni dalam pendidikan: menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru; Utusan Publications, 2001

Bagaimana memupuk nilai-nilai murni, Ziyana Azimin ,Siri memupuk akhlak mulia; Penerbitan Premier, 2011

Tujuh puluh dua hadis, adab dan nilai-nilai murni ; Selasih Media, 2007 Pembentukan nilai-nilai murni; Penerbit Setiamas, 1996

Penyerahan amalan nilai-nilai murni 1Malaysia; Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2012

**Prepared by:**

Mustaffa Kamal bin Bawaihi

Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

7 November 2022